



Unimas belanja RM1.6 juta untuk pemasangan EMS

KUCHING, Jumaat — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) membelanjakan hampir RM1.6 juta untuk membangunkan pemasangan Sistem Multimedia Pendidikan (EMS) yang akan digunakan sepenuhnya pada 5 Jun depan.

Naib Canselor Unimas Prof Yusuf Hadi berkata, pemasangan sistem berkenaan di Ruang Kuliah Unimas selaras dengan usaha mewujudkan konsep dan amalan perkuliahan di Alaf Baru bagi menyokong aktiviti pengajaran pembelajaran agar lebih efektif dan efesien.

"Penggunaan teknologi tinggi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran dengan pengenalan konsep pendidikan dalam talian menjadi penting terutama di dalam persekitaran pendidikan tinggi pada masa ini," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, sistem EMS yang dipasang di ruang kuliah dibekalkan Note Book, Data Projector, Skrin Bermotor, sistem bunyi, AV Console, mikrofon tanpa wayar.

Menurutnya, peralatan multimedia disimpan di dalam console di bahagian

hadapan bilik kuliah bersifat tidak mudah alih bagi menjimatkan penghantaran dan pemasangan dalam waktu di antara kuliah.

"Penggunaan kompter oleh tenaga pengajar dengan tujuan menunjukkan kepada pelajar atau mengakses maklumat seperti data penyelidikan, indeks sebut harga pasaran saham, gambar peta dari internet atau manuskrip dapat dipaparkan ke skrin putih di bilik kuliah.

"Pemasangan sistem berteknologi tinggi membolehkan tenaga pengajar mempraktikkan pengajaran-pembelajaran membantu komputer sekerap mungkin, dalam keadaan yang selesa serta memudahkan persediaan dan penggunaan dalam masa yang singkat," katanya.

Daripada sebanyak 33 ruang perkuliahan gunasama hanya sembilan ruang kuliah tidak dibekalkan dengan kemudahan EMS.

Ruang yang dibekalkan dengan EMS adalah DK1, DK2, DK4, DK5, DK6, DK7, BS1, BS8, BS11, BS12, BS13, BS17, BS18, BS20, BS21, BS22, BS23 dan teater Multimedia.